

Bahagian A
[20 markah]
Jawab semua soalan.



Soalan 1 hingga soalan 4

Gariskan **istilah yang betul** bagi pernyataan berikut berdasarkan pilihan jawapan yang disediakan.

No. Soalan	Pernyataan	Pilihan Jawapan
1	Sesuatu yang berlaku kepada makhluk Allah SWT semasa hidupnya.	<i>Qadak / Qudrat / Qadar</i>
2	Aktiviti seni atau hasil karya yang dicipta dengan menggunakan bakat dan kreativiti manusia bagi menzahirkan keindahan dan kehalusan yang menepati syarak.	<i>Hiburan / Kesenian / Kreatif</i>
3	Peserta skim takaful mendermakan sebahagian atau keseluruhan wang sumbangan yang dibayar semasa menyertai skim takaful.	<i>Tabarru' / Ta'awun / Tafahum</i>
4	Usaha untuk mendapat sesuatu kesimpulan baharu melalui kajian atau penyelidikan berdasarkan sumber dan kaedah yang sah.	<i>Ijtihad / Ijmak / Ihsan</i>

[4 markah]

Soalan 5 hingga soalan 8

Lengkapkan pernyataan berikut dengan pilihan jawapan yang betul.

<i>kafir</i>	saling memahami	pengabdian	umum
<i>murtad</i>	saling mengenali	penghormatan	khusus

- 5 Allah SWT memerintahkan para malaikat dan jin untuk sujud memberikan sebagai memuliakan nabi Adam a.s..
- 6 Menjauhi sikap adu domba (*namimah*) merupakan asas pergaulan dari aspek
- 7 Cara Islam memelihara agama ialah mensyariatkan hukuman bunuh kepada orang supaya agama tidak tercemar.
- 8 Pentadbiran merupakan sebahagian daripada pengurusan. Pengurusan bersifat lebih berbanding pentadbiran.

[4 markah]

Soalan 9 hingga soalan 12

Lengkapkan jadual di bawah dengan jawapan yang betul.

Kepentingan Ibadah Menurut Islam	
Amalan Ibadah	Pernyataan
P	- Merehatkan sistem pencernaan - Merasai kesusahan orang lain
Q	- Syarat menjadi seorang Muslim - Penyaksian Allah SWT sebagai pencipta dan Rasulullah SAW sebagai utusan Allah SWT.

9 **P** ialah

10 **Q** ialah

[2 markah]

Jenis Muamalah Islam	
Jawapan	Pernyataan
R	Mewakilkkan sesuatu barangan atau harta kepada pihak lain untuk disimpan.
S	Jual beli sesuatu barangan dengan memaklumkan harga kos bersama-sama tambahan margin keuntungan.


11 **R** ialah

12 **S** ialah

[2 markah]

Soalan 13 dan soalan 14

Lengkapkan carta di bawah dengan jawapan yang betul berkaitan pembinaan keluarga Islam.




13 **T** ialah

14 **U** ialah

[2 markah]

Soalan 15 dan soalan 16

Lengkapkan carta di bawah dengan jawapan yang betul berkaitan prinsip negara Islam.



15 V ialah

16 W ialah

[2 markah]

Soalan 17 hingga soalan 20

Tandakan (✓) pada pernyataan yang **betul** dan tandakan (X) pada pernyataan yang **salah**.

- | | | |
|----|---|--------------------------|
| 17 | Itsar ialah mengutamakan orang lain berbanding dirinya yang merupakan sifat tertinggi dalam kemurahan hati. | ☐ |
| 18 | Masyarakat madani ialah masyarakat atau generasi yang maju dari segi pemikiran, kerohanian dan kebendaan. | ☐ |
| 19 | Melarang perbuatan membunuh diri dan orang lain adalah cara Islam memelihara keturunan. | ☐ |
| 20 | Sistem ekonomi komunis ialah berasaskan kebebasan mutlak individu (<i>Laissez Faire</i>). | ☐ |

[4 markah]



Bahagian B

[80 markah]

Jawab empat soalan sahaja.

Akidah ialah keyakinan yang teguh terhadap kewujudan Allah SWT serta sifat-sifat kesempurnaan-Nya berdasarkan dalil naqli dan aqli.

- 1 (a) Senaraikan **empat** amalan yang berkaitan dengan pegangan akidah dalam Islam.

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

Ibadah merupakan gerak langkah manusia bagi meneguhkan hubungan antara manusia dengan Allah SWT.

- (b) (i) Nyatakan **dua** syarat ibadah diterima oleh Allah SWT.

.....

.....

[2 markah]

- (ii) Pada pandangan anda, mengapakah masih terdapat segelintir remaja tidak mengambil berat tentang kualiti ibadah?

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

Islam menggalakkan umatnya bekerja untuk memiliki harta.

- (c) (i) Nyatakan maksud pekerjaan menurut Islam.

.....

.....

[2 markah]

- (ii) Jelaskan **dua kesan** pekerjaan yang halal kepada individu.

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

Kenaikan harga minyak menyebabkan berlaku penyeludupan minyak ke negara jiran. Hal ini menyebabkan kerugian kepada negara.

- (d) Terangkan **dua** sebab mengapa masalah tersebut berlaku.

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

- 2 (a) Nyatakan maksud manusia sebagai khalifah Allah SWT.

.....

.....

[2 markah]

- (b) Terangkan **dua** tanggungjawab manusia sebagai hamba dan khalifah Allah SWT terhadap alam.

.....

.....

.....

.....

[4 markah]



- (c) Huraikan **dua punca** pengabaian tanggungjawab oleh manusia sebagai hamba dan khalifah Allah SWT.

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

Gadis maut ditikam 61 kali, pelajar kolej didakwa membunuh... Berdepan hukuman mati atau penjara 40 tahun

Selasa, 12 Mei 2026 12:00 PM

SEORANG penuntut kolej didakwa di Mahkamah Majistret Kota Bharu pada Selasa atas pertuduhan membunuh gadis berusia 19 tahun iaitu Nurfisyah Zulkifly pada 30 April lalu.

Tertuduh, Muhammad Hazim Muhammad, 19, menganggu faham ketika pertuduhan dibacakan di hadapan Majistret Rais Imran Hamid. Mengikut pertuduhan, tertuduh didakwa membunuh dengan menyebabkan kematian terhadap Nurfisyah di Jalan Pengkalan Piah, Ketereh, Kelantan. Perbuatan itu dilakukan antara 30 April pukul 11.40 malam hingga 12.20 tengah malam pada 1 Mei lalu.

- (d) (i) Berdasarkan kenyataan di atas, bagaimanakah asas sistem perundangan Islam dapat mengatasi masalah ini.

.....

.....

[2 markah]

- (ii) Bincangkan kepentingan tindakan tersebut ke arah pembentukan akhlak masyarakat madani.

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

- (e) Terangkan **dua** cara mematuhi pelaksanaan kehakiman Islam.

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

Rasulullah SAW bersabda :

"Janganlah kamu berhasad dengki, tipu-menipu, benci-membenci, berpaling muka, dan janganlah (berebut) membeli atau menjual (barang) yang sedang dibeli atau dijual oleh orang lain. Dan jadilah engkau sekalian hamba Allah SWT yang bersaudara. Seseorang Muslim itu adalah bagi Muslim yang lain dan tidak boleh menzaliminya....."

(Riwayat Muslim)

- 3 (a) (i) Berdasarkan maksud hadis di atas, senaraikan **dua** adab pergaulan dalam Islam.

.....

.....

[2 markah]

- (ii) Terangkan **dua** kepentingan prinsip pergaulan Islam.

.....

.....

.....

.....



[4 markah]

- (b) (i) Berdasarkan gambar di atas, nyatakan **dua** garis panduan berhibur dalam Islam.

.....

.....

[2 markah]



- (ii) Ramalkan akibat yang akan berlaku sekiranya garis panduan di atas diabaikan.

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

- (c) Sebagai seorang pengurus persatuan di sekolah, jelaskan **dua** tindakan anda untuk merealisasikan tadbir urus Islam dalam persatuan.

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

- (d) Jelaskan **dua** kepentingan sistem pentadbiran dan pengurusan Islam terhadap negara.

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

- 4 (a) (i) Nyatakan maksud *Murunah*.

.....

.....

[2 markah]

- (ii) Jelaskan **dua** prinsip *Murunah*.

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

Waqi'yyah (Realiti) iaitu Islam ialah agama praktikal, mampu diamalkan oleh semua golongan manusia.

- (b) Terangkan **dua** kepentingan mengamalkan prinsip di atas dalam kehidupan.

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

- (c) Huraikan **dua** kepentingan pelaksanaan muamalat Islam terhadap masyarakat.

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

Encik Ilham bercadang untuk membuka akaun simpanan di bank yang patuh syariah.

- (d) (i) Nyatakan institusi kewangan Islam yang sesuai dengan pernyataan di atas.

.....

[1 markah]

- (ii) Pada pendapat anda, bagaimanakah institusi tersebut dapat memartabatkan sistem kewangan Islam di Malaysia.

.....

.....

.....

.....

.....

[5 markah]

- 5 (a) Nyatakan **dua** alam yang akan dilalui oleh manusia selepas mati.

.....

.....

[2 markah]



- (b) (i) Berikan **satu** contoh perbuatan yang merosakkan akal selain di atas.

.....

.....

[1 markah]

- (ii) Nyatakan hukum pengambilan bahan terlarang.

.....

.....

[1 markah]

- (iii) Terangkan akibat pengambilan bahan tersebut terhadap murid selain merosakkan akal.

.....

.....

[2 markah]

- (iv) Bagaimanakah wahyu berperanan untuk menyelesaikan masalah ini.

.....

.....

.....

.....

[4 markah]



- (c) (i) Senaraikan **dua** syarat pelantikan hakim.

.....

.....

[2 markah]

- (ii) Terangkan perbezaan di antara sistem kehakiman Islam dengan sistem kehakiman bukan Islam.

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

- (d) Huraikan **dua** cara bagaimana anda sebagai seorang murid dapat menjauhkan diri daripada perbuatan jenayah.

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

- 6 (a) (i) Nyatakan maksud sistem sosial Islam.

.....

.....

[2 markah]

- (ii) Senaraikan **empat** hak asasi manusia yang di jamin oleh Islam.

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

- (b) Keluarga ialah satu unit sosial yang dihubungkan melalui pertalian darah, perkahwinan atau pengambilan anak angkat. Terangkan **dua** ciri kekeluargaan menurut Islam.

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

Firman Allah SWT :
"Dan (ingatlah) ketika Tuhanmu berfirman kepada Malaikat;
"Sesungguhnya Aku hendak menjadikan khalifah di bumi"

(Al-Baqarah:30)

- (c) (i) Nyatakan tanggungjawab khalifah yang dapat difahami daripada maksud ayat di atas.

.....

.....

[1 markah]

- (ii) Bincangkan kesan yang akan berlaku kepada negara sekiranya tanggungjawab tersebut diabaikan.

.....

.....

.....

.....

.....

[5 markah]

Rasulullah SAW telah meletakkan asas pentadbiran dan pengurusan negara berdasarkan beberapa aspek utama.

- (d) Berpandukan kenyataan di atas, terangkan **dua** aspek tersebut.

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

SOALAN TAMAT

